

SULIT



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2016/2017

- NAMA KURSUS : TAMADUN ISLAM DAN  
TAMADUN ASIA
- KOD KURSUS : UWA 10302
- KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBF/ BBG/ BDD/ BEJ/  
BEV/ BFF/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/  
BNB/ BND/ BNE/ BNF/ BNG/ BNH/  
BNK/ BNL/ BNM/ BPA/ BPB/ BPC/  
BPD/ BPP/ BWA/ BWC/ BWD/  
BWQ/ BWW
- TARIKH PEPERIKSAAN: DISEMBER 2016 / JANUARI 2017
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM  
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS  
SOALAN INI KELUAR DARI  
DEWAN PEPERIKSAAN.

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH (20)** MUKA SURAT

SULIT

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
JALAN SUTERA  
80100 JOHORE BAHRU  
JHORE BAHRU  
JHORE BAHRU  
JHORE BAHRU

- S1 Apakah takrif tamadun berdasarkan Kamus Dewan?
- A Keadaan kualiti tinggi yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat
  - B Keadaan masyarakat yang dicirikan oleh taraf kemajuan dan perkembangan pemikiran yang tinggi
  - C Keadaan yang bertentangan dengan kehidupan biadab (*barbaric*) iaitu mencapai tahap kesopanan yang tinggi
  - D Keadaan menetap yang merujuk kepada kehidupan orang-orang Badwi yang pada awalnya hidup berpindah randah kemudian menjalani kehidupan menetap
- S2 Apakah dua aspek utama yang ditekankan dalam memahami takrif tamadun yang tepat?
- A Kemajuan sains dan kecanggihan teknologi
  - B Kehalusan kesenian dan ketinggian kebudayaan
  - C Kehalusan budi pekerti dan kesopanan tata susila
  - D Kemajuan kerohanian dan pembangunan perbandaran

Soalan 3 dan 4 berdasarkan kepada Jadual 1.

Jadual 1


Sarjana Islam	
I	Farid Wajdi
II	Jurji Zaidan
III	Ibn Khaldun
IV	Muhammad Abduh

- S3 Siapakah dua tokoh yang menggunakan perkataan *Madaniyyah* dalam penulisan mereka tentang bandar atau kehidupan bandar?
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S4 Siapakah penulis terawal yang mengutarakan idea pengajian ilmu ketamadunan?
- A I
  - B II
  - C III
  - D IV

**TERBUKA**

Soalan 5 adalah berdasarkan kepada Rajah 1.

**Rajah 1**



- S5 Apakah elemen Y berdasarkan kepada Rajah 1 di atas?
- A Sistem keagamaan
  - B Pandangan semesta
  - C Paradigma pemikiran
  - D Sistem kemasyarakatan
- S6 Apakah tahap yang menggambarkan tentang kelekaan terhadap kemewahan dan kesenangan hidup dalam teori kitaran Ibnu Khaldun?
- A Tahap bangun semula
  - B Tahap lemah dan kejatuhan
  - C Tahap awal atau kelahiran tamadun
  - D Tahap kehidupan menetap atau bertamadun
- S7 Apakah istilah yang cenderung digunakan oleh Malik Bennabi dalam teori Kitaran Tamadun?
- A Umran
  - B Tamadun
  - C Hadharah
  - D Madaniyah

**TERBUKA**

**S8** Manakah unsur-unsur berikut penting untuk mencapai tahap tamadun tinggi menurut Malik Bennabi?

- I Idea
- II Benda
- III Sistem
- IV Manusia

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S9** Manakah hubungan yang menjadikan tamadun bersifat universal?

- A Tamadun dengan adab
- B Tamadun dengan agama
- C Tamadun dengan bangsa
- D Tamadun dengan budaya

**S10** Apakah penanda aras yang digunakan oleh Barat untuk menggambarkan maksud tamadun?

- I Penempatan di kawasan perbandaran
- II Pencapaian dalam aktiviti perekonomian
- III Pencapaian dalam bidang ilmu dan teknologi
- IV Penyusunan struktur politik dan kemasyarakatan

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S11** Pilih kesan interaksi tamadun dalam sejarah.

- I Penyebaran agama
- II Perkembangan teknologi
- III Peperangan dan penaklukan
- IV Perkembangan tulisan dan bahasa

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S12** Mengapakah kehidupan bertamadun itu seringkali dikaitkan dengan bandar?
- A Masyarakat bandar membangun dan bertatasusila tinggi
  - B Bandar menggambarkan suatu kehidupan yang kompleks dan fleksibel
  - C Persekitaran beragama yang membentuk kesempurnaan perilaku dan nilai
  - D Kehidupan yang bersistematik, berbudaya dan mempunyai kehalusan budi
- S13** Manakah antara berikut perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun?
- I Penghijrahan manusia
  - II Pemerintahan yang zalim
  - III Nilai-nilai moral yang kukuh
  - IV Peperangan yang berpanjangan
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D II dan IV sahaja

Soalan 14 berdasarkan kepada Pernyataan 1.

**Pernyataan 1**

Kedudukan yang sesuai dapat membantu membangunkan sesebuah penempatan dan membolehkan penduduk atau penerokanya memperoleh sumber-sumber semulajadi untuk kelangsungan kehidupan. Ia juga berperanan untuk menentukan kesesuaian lokasi tersebut menjadi pusat tumpuan masyarakat setempat atau yang datang dari luar dengan kemudahan perhubungan melalui air, darat atau udara.

Sumber: Modul TITAS Cetakan 2/2016

- S14** Apakah faktor kelahiran dan perkembangan tamadun sebagaimana yang dinyatakan dalam Pernyataan 1?
- A Kedudukan yang strategik
  - B Kesuburan tanah pertanian
  - C Kemudahan sumber pengangkutan
  - D Kemudahan untuk mendapatkan sumber alam

**TERBUKA**

- S15** Apakah penyelesaian utama yang dicadangkan oleh Malik Bennabi bagi mengatasi kejatuhan sesebuah tamadun?
- A Perkembangan idea yang luas dan kontemporari
  - B Penggunaan sumber alam perlu dihadkan bagi tujuan kelangsungan kehidupan
  - C Manusia perlu berusaha untuk menguasai kekayaan material sebagai bekalan untuk melalui kehidupan
  - D Masyarakat perlu kembali kepada agama yang memungkinkan penciptaan satu kitaran baru pembinaan tamadun manusia
- S16** Apakah yang dimaksudkan dengan Tamadun Islam?
- A Tamadun yang berpegang kepada amalan warisan
  - B Tamadun yang berpegang kuat kepada adat ketimuran
  - C Tamadun yang berasaskan kepada nilai-nilai kerohanian
  - D Tamadun yang berasaskan kepada kesepakatan sesebuah bangsa
- S17** Apakah perbezaan ketara antara Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain?
- A Tamadun Islam berpusat di kota, manakala tamadun lain berpusat di desa
  - B Asas tamadun Islam merupakan manusia, manakala tamadun lain adalah manusia yang beriman
  - C Tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai matlamat, manakala tamadun lain mementingkan teknologi sebagai alat
  - D Tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi keimanan kepada Allah S.W.T., manakala tamadun lain tidak sedemikian
- S18** Apakah perubahan yang berlaku terhadap masyarakat Arab Jahiliyah selepas kedatangan Islam?
- A Mengamalkan perhambaan
  - B Menjadi manusia mengesakan Allah
  - C Membunuh orang-orang Arab Jahiliyah
  - D Melantik orang Islam sebagai pemerintah

**TERBUKA**

**S19** Pilih pernyataan yang menjelaskan ciri umum dan sejagat dalam Tamadun Islam.

- I Seruan keadilan untuk semua insan
  - II Mencakupi seluruh aspek kehidupan
  - III Mempunyai kesesuaian pada semua tempat dan masa
  - IV Menekankan peringkat yang tertinggi yang boleh dicapai oleh manusia
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S20** Manakah antara berikut merupakan ciri khusus konsep Tamadun Islam?

- A Mementingkan nilai kebebasan manusia
- B Mengutamakan aspek material dan kesamarataan
- C Mementingkan aspek keadilan untuk bangsa tertentu
- D Mengutamakan sistem nilai kerohanian dan kemanusiaan

**S21** Manakah tindakan berikut yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dalam mengembangkan akidah kepada masyarakat Arab Jahiliah?

- I Membina akidah yang benar
  - II Meruntuhkan kesesatan akidah
  - III Mengukuhkan sistem kepercayaan
  - IV Meruntuhkan akidah yang bertentangan
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S22** Apakah sumber Islam yang merupakan kesepakatan para ulama Fiqh selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. terhadap sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah?

- A Al-Ijmak
- B Al-Qiyas
- C Al-Quran
- D Al-Sunnah

**TERBUKA**

- S23** Manakah antara berikut merupakan sumber rujukan Tamadun Islam yang berasaskan wahyu?
- A Al-Quran dan Qiyas
  - B Al-Sunnah dan Ijmak
  - C Al-Sunnah dan Qiyas
  - D Al-Quran dan al-Sunnah
- S24** Pilih faktor-faktor yang mendorong kepada kecemerlangan Tamadun Islam.
- I Galakan pemerintah
  - II Gesaan al-Quran dan al-Sunnah
  - III Pembukaan Pulau Sicily dan Andalus
  - IV Kerjasama para ulama dan cendekiawan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S25** Manakah antara berikut merupakan aspek ilmu dan intelektual yang menonjol dalam Tamadun Islam?
- I Perubatan
  - II Teknologi letupan
  - III Matematik dan astronomi
  - IV Ekonomi dan perdagangan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S26** Bagaimanakah Tamadun Islam dapat menjaga hubungan baik sesama manusia?
- I Mewujudkan peraturan hidup kepada manusia
  - II Menyediakan sumber kehidupan kepada manusia
  - III Menetapkan suatu amanah dan tanggungjawab kepada manusia
  - IV Memastikan manusia sentiasa melaksanakan amanah yang diberikan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

TERBUK



S27 Apakah yang dimaksudkan dengan sifat kesempurnaan Tamadun Islam?

- I Menerima kebebasan beragama
  - II mengamalkan Islam mengikut ketetapan
  - III mengamalkan ajaran Islam keseluruhannya
  - IV Menolak amalan yang bertentangan dengan Islam
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

S28 Manakah antara berikut bahagian terpenting yang terkandung dalam Piagam Madinah?

- I Berkaitan golongan munafik dan kafir
  - II Berkaitan golongan Muhajirin dan Ansar
  - III Berkaitan hubungan umat Islam dengan orang Yahudi
  - IV Berkaitan hubungan antarabangsa antara negara Islam dan bukan Islam
- 
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja

S29 Apakah dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu?

- A Kepelbagaian bahasa dan etnik
- B Bahasa Melayu dan agama Islam
- C Bahasa dan interaksi antara tamadun
- D Kepelbagaian etnik dan agama Islam

S30 Bilakah masyarakat Melayu mula bertapak di Alam Melayu?

- A 3000 tahun dahulu
- B 4000 tahun dahulu
- C 5000 tahun dahulu
- D 6000 tahun dahulu

**TERBUKA**

S31 Apakah sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Melayu?

- A Perkembangan ilmu pengetahuan
- B Menjamin kesejahteraan manusia
- C Memastikan kehidupan sosial yang harmoni
- D Menyediakan panduan ke arah kejayaan dalam aspek material

- S32** Manakah antara kawasan-kawasan berikut merujuk kepada wilayah yang didiami oleh orang-orang Melayu di Asia Tenggara?
- A Penempatan Melayu Christmas
  - B Penempatan Melayu Cape Town
  - C Gugusan Kepulauan Madagascar
  - D Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia
- S33** Antara berikut, manakah takrif orang Melayu menurut Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan?
- I Beragama Islam
  - II Berbahasa Melayu
  - III Tinggal di pesisir pantai
  - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S34** Pilih laluan kedatangan Islam ke Tanah Melayu.
- I Perdagangan laut dari negara-negara Arab
  - II Perdagangan darat ke benua Afrika dahulu, sebelum sampai ke kawasan Asia Tenggara
  - III Perdagangan darat ke benua kecil India dahulu, sebelum sampai ke kawasan Asia Tenggara
  - IV Perdagangan darat ke negara China dahulu sebelum mengikuti laluan perdagangan laut ke kawasan Asia Tenggara
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S35** Apakah Empayar Melayu Awal yang merupakan asas kepada pembentukan asal-usul Tamadun Melayu?
- A Empayar Funan dan Empayar Demak
  - B Empayar Funan dan Empayar Srivijaya
  - C Empayar Funan dan Empayar Sri Lanka
  - D Empayar Funan dan Empayar Majapahit

**TERBUKA**

- S36** Apakah bentuk kepercayaan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?
- A Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada animisme
  - B Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada Allah S.W.T.
  - C Kepercayaan kepada Allah S.W.T. dan Rasul bertukar kepada dewa dan animisme
  - D Kepercayaan kepada Allah S.W.T. dan Rasul bertukar kepada kepercayaan banyak tuhan
- S37** Apakah faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan Islam di Tanah Melayu?
- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
  - B Perdagangan, perkahwinan, peperangan, perlumbaan penyebaran agama serta keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
  - C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah serta aktiviti perikanan
  - D Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- S38** Siapakah ulama yang mendidik Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah Sayyid Mukammil?
- A Khatib Dayyan
  - B Hamzah Fansuri
  - C Arsyad al-Banjari
  - D Nuruddin al-Raniri

Soalan 39 dan 40 berdasarkan kepada Jadual 2.

**TERBUKA**

**Jadual 2**

A	Perlak
B	Campa
C	Melaka
D	Samudera Pasai

- S39** Apakah kerajaan Melayu Islam terletak di Sumatera Utara, berperanan sebagai pusat kerajaan Islam yang paling awal dan menjadi asas penting dalam perkembangan Islam di Alam Melayu?
- S40** Apakah kerajaan Melayu Islam yang pertama memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Melayu menerusi tulisan Jawi bagi menggantikan tulisan Jawa kuno?

- S41 Apakah nama lain bagi kitab *Sejarah Melayu* yang merupakan antara karya kesusasteraan di zaman Kesultanan Melayu Islam?
- A *Taj al-Salatin*
  - B *Bustan al-Salatin*
  - C *Sulalat al-Salatin*
  - D *Umdah al-Salatin*
- S42 Apakah tamadun yang wujud dalam Tamadun India ketika permulaan zaman Proto?
- A Tamadun Aryan
  - B Tamadun Maurya
  - C Tamadun Lembah Indus
  - D Tamadun Lembah Ganges
- S43 Apakah sumbangan kerajaan Chera, Chola, Pandya dan Pallava pada Zaman Sangam?
- A Perubatan dan sains
  - B Kaligrafi dan seni khat
  - C Kesusasteraan dan perdagangan
  - D Seni bina agung dan pembinaan kota
- S44 Apakah bukti sumbangan sains Tamadun India terhadap bidang kimia dalam peleburan logam?
- A Taj Mahal
  - B Qutb Minar
  - C Kuil Vishnu
  - D Iron Pillar of Delhi
- S45 Siapakah yang mengasaskan institusi Pendidikan Islam terkemuka semasa zaman pemerintahan Islam di India?
- A Aurangzeb
  - B Shah Jahan
  - C Amir Khusrau
  - D Alauddin Khilji
- S46 Siapakah pencipta epik *Ramayana* yang terkenal dalam kesusasteraan India?
- A Vyasa
  - B Vaisya
  - C Vishnu
  - D Valmiki

**TERBUKA**

- S47 Bilakah karya kesusasteraan *Sakunthala* dan *Kama Sutra* dilahirkan?
- A Zaman Vedik
  - B Zaman Sangam
  - C Zaman Empayar Gupta
  - D Zaman Empayar Maurya
- S48 Siapakah tokoh yang berperanan dalam perkembangan agama Buddha pada zaman Empayar Maurya (326 SM-185 SM)?
- A Chola
  - B Asoka
  - C Gupta
  - D Chera
- S49 Manakah antara golongan kasta di bawah ini tidak dibenarkan bersekolah dan dianggap sebagai satu kesalahan apabila memberikan pendidikan kepada mereka?
- A Sudra
  - B Vaisya
  - C Kastrya
  - D Brahmin
- S50 Manakah antara berikut merupakan sumbangan orang Islam dalam bidang seni bina sepanjang sejarah tamadun India?
- I Kubah dan menara
  - II Memperkenalkan penggunaan konkrit dan motar
  - III Memperkenalkan alat-alat geometri dalam pembinaan bangunan
  - IV Memperkenalkan lukisan flora dan fauna pada bangunan-bangunan itu
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S51 Nyatakan kawasan pertama di India menerima Islam pada abad ke 7 Masihi semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab?
- A Pantai Sind
  - B Pantai Sehwan
  - C Lembah Sistan
  - D Lembah Makran

**TERBUKA**

S52 Manakah kenyataan yang benar tentang kedudukan wanita dalam Tamadun India?

- I Kedudukan wanita adalah yang terendah dalam kepercayaan agama
  - II Apabila sudah berkahwin mereka berada di bawah keluarga dan suami
  - III Fungsi utama seorang wanita adalah memelihara anak dan menjaga suami
  - IV Seperti kanak-kanak, kaum wanita berada di bawah penjagaan ayah dan ibu
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 53 berdasarkan kepada Pernyataan 2.

**Pernyataan 2**

- Warna kulit yang kemerahan
- Merupakan kelompok yang bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan
- Melibatkan diri secara langsung dalam sistem pemerintahan

S53 Siapakah golongan yang mempunyai ciri-ciri sebagaimana Pernyataan 2 di atas?

- A *Sudra*
- B *Vaisya*
- C *Ksatriya*
- D *Brahmin*

S54 Mengapakah bidang kesusasteraan seni khat sangat dimuliakan dan dihormati dalam zaman pemerintahan Islam di India?

- A Kemahiran tersebut dianggap bertuah dan dirahmati Allah S.W.T.
- B Kemahiran tersebut mampu memberikan pendapatan yang lumayan
- C Kemahiran tersebut mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
- D Kemahiran tersebut melayakkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana

S55 Dimanakah pusat pertumbuhan awal bagi Tamadun Cina?

- A Tibet
- B Beijing
- C Chang Jiang
- D Sungai Kuning

**TERBUKA**

Soalan 56 dan 57 berdasarkan kepada Rajah 2.

**Rajah 2**

<b>X</b>	Diasaskan oleh Yu
	Berperanan sebagai penjaga kadar air Sungai Kuning
	Berusaha menghapuskan raksasa dan semangat jahat

**S56** Berdasarkan kepada Rajah 2, apakah Dinasti X?

- A Han
- B Yun
- C Hsia
- D Zhou

**S57** Mengapakah kewujudan Dinasti X masih menjadi tanda tanya dalam kalangan pengkaji sejarah?

- A Raja dalam Dinasti X tidak diiktiraf dalam tamadun Cina
- B Dinasti X tidak mempunyai kehebatan dalam sejarah tamadun Cina
- C Tidak terdapat bukti-bukti arkeologi mengenai kewujudan Dinasti X
- D Telah dimusnahkan oleh Dinasti Chou yang muncul selepas kewujudan Dinasti X

**S58** Apakah yang dimaksudkan dengan Budaya Yangshoa dalam era Neolitik (3950-1700 SM) di China?

- A Budaya tebang dan bakar
- B Budaya tanaman ubi dan sagu
- C Budaya perikanan sungai dan laut
- D Budaya tanam dan tenunan kain kapas

**S59** Pilih pernyataan yang benar tentang Sungai Kuning.

- I Membawa ketamadunan China
- II Dikenali sebagai Sungai Yang Tze
- III Merupakan pusat penempatan kuno dan terawal
- IV Membantu pertumbuhan bandar di sepanjang sungai

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S60 Manakah antara berikut sumbangan terbesar Tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia?
- I Kompas
  - II Percetakan
  - III Bahan letupan
  - IV Pembuatan kertas
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S61 Nyatakan asas pemikiran yang terpenting bagi agama Buddha dalam Tamadun Cina.
- A Teori Si Ti, Tian, Wu Tsung dan balasan
  - B Teori Si Ti, sebab-akibat, balasan dan kaedah
  - C Teori Wu Tsung, balasan, Tian dan sebab-akibat
  - D Teori Wu Tsung, sebab-akibat, kaedah dan balasan
- S62 Manakah pernyataan yang menjelaskan pengertian kepada konsep *Dao* yang menjadi asas kepada pandangan semesta Tamadun Cina?
- A Konsep *Dao* bermaksud jalan (*the way*)
  - B *Dao* adalah prinsip agung yang tidak mutlak serta asal usul semua makhluk
  - C *Dao* adalah sifat mulia yang tidak melampaui batas sama ada yang terlebih atau terkurang
  - D *Dao* bersifat tidak azali dengan semua makhluk tidak akan kembali pada akhir hayat mereka
- S63 Nyatakan sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Cina.
- A Kelahiran ulama
  - B Percetakan buku-buku agama
  - C Ciptaan bahan letupan peperangan
  - D Ciptaan kompas pelayaran lautan jauh
- S64 Bilakah agama Islam mula dibawa masuk ke Tamadun Cina?
- A Dinasti Sui
  - B Dinasti Han
  - C Dinasti Song
  - D Dinasti Qing

**TERBUKA**



- S65 Apakah keutamaan dalam Legalisme yang dirumuskan oleh ahli falsafah Cina bernama Han Feizi?
- A Pemikiran kebajikan rakyat
  - B Pemikiran kebebasan mutlak rakyat
  - C Pemikiran kekuasaan ketenteraan ke atas negara
  - D Pemikiran kekuasaan pemerintah ke atas rakyatnya

Soalan 66 berdasarkan kepada Pernyataan 3.

**Pernyataan 3**

Tokoh X

- Beliau adalah pelopor bidang astronomi Islam dalam Tamadun Cina.
- Pengarang buku astronomi bertajuk *Ying Tian Li*
- Beliau diberi jawatan Qing Tian Jian Zheng

- S66 Siapakah tokoh X?
- A Li Ping
  - B Ma Yize
  - C Ma Dexin
  - D Wang Daiyu
- S67 Bagaimanakah cara untuk mengurangkan jenayah menurut falsafah Taoisme yang dihasilkan oleh Lao Zi?
- A Beranggapan manusia secara asasnya bersifat jahat, justeru menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang ketat dilaksanakan
  - B Beranggapan dunia manusia adalah baik, justeru manusia hendaklah mencintai orang lain seperti mencintai diri sendiri tanpa ada perbezaan taraf kehidupan
  - C Beranggapan dunia manusia adalah buruk, justeru manusia harus menahan nafsu dari mengejar benda-benda yang tidak boleh diperoleh dengan cara yang betul
  - D Beranggapan manusia pada asalnya adalah baik, justeru pemerintah hendaklah mengawal persekitaran agar tidak memberi ruang kepada manusia melakukan jenayah
- S68 Apakah rantau yang mendominasi tamadun dunia hari ini?
- A Barat
  - B Timur
  - C Asia Barat
  - D Asia Tengah

- S69** Apakah aliran pemikiran dan sistem pemerintahan yang lahir dalam dunia homogen Barat menurut Francis Fukuyama?
- A Pluralisme dan autokrasi Barat
  - B Sekularisme dan monarki Barat
  - C Liberalisme dan demokrasi Barat
  - D Komunisme dan globalisasi Barat
- S70** Pilih kesan penjajahan Barat ke atas masyarakat Islam dan Tamadun Asia.
- I Nilai budaya
  - II Institusi politik
  - III Pegangan agama
  - IV Struktur ekonomi
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S71** Apakah cabaran kontemporari yang dihadapi oleh Tamadun Islam dan Tamadun Asia?
- A Penguasaan Barat ke atas hasil bumi negara
  - B Dominasi Barat terhadap politik, ekonomi, media dan budaya negara
  - C Kekurangan golongan elit yang kreatif untuk mencetuskan idea baharu
  - D Perkembangan politik, ekonomi dan budaya negara tidak selari dengan kepesatan pembangunan dunia
- S72** Manakah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memperoleh kuasa veto selepas Perang Dunia Kedua?
- I Rusia
  - II Britain
  - III Jerman
  - IV Perancis
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S73** Apakah sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Barat?
- A Feudal
  - B Monarki
  - C Autokrasi
  - D Demokrasi
- S74** Apakah konsep pemerintahan yang digunakan di Malaysia disesuaikan dengan sistem demokrasi?
- A Liberal
  - B Proleter
  - C Terpimpin
  - D Berparlimen
- S75** Mengapakah institusi kekeluargaan Barat dilihat sedang mengalami keruntuhan?
- A Larangan berlaku perceraian dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
  - B Pembatasan kelahiran anak dalam satu keluarga dan melarang berlaku perceraian
  - C Kebenaran perkahwinan sejenis dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
  - D Galakan aktiviti pergaulan dan seks bebas serta menghadkan kelahiran anak dalam satu keluarga
- S76** Manakah negara yang sering diancam oleh Amerika Syarikat kerana membangunkan program nuklear?
- A Cuba dan China
  - B Jerman dan Turki
  - C Iran dan Korea Utara
  - D Venezuela dan Bolivia
- S77** Manakah antara berikut yang dimaksudkan dengan istilah globalisasi?
- I Dunia tanpa sempadan
  - II Perkampungan kecil manusia
  - III Proses yang melahirkan dunia tanpa sempadan
  - IV Penerapan ideologi barat terhadap dunia bukan barat
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja

**TERBUKA**

- S78** Apakah kesan fenomena globalisasi budaya melalui rancangan realiti televisyen berbentuk hiburan yang tersebar luas dan ditiru di Malaysia?
- A Kualiti hiburan meningkat dalam masyarakat
  - B Cita-cita remaja diberi ekspresi secara kompetitif
  - C Nilai-nilai menghormati dan menjaga perasaan individu diutamakan
  - D Golongan kurang bernasib baik boleh mendapat peluang untuk cepat kaya
- S79** Apakah mekanisme yang perlu wujud bagi menyahut cabaran masa depan dunia berbilang tamadun di Malaysia ?
- A Menganjurkan dialog antara tamadun bagi memupuk persefahaman antara kaum
  - B Membina tamadun yang homogen bagi membentuk kesatuan dan kesepaduan kaum
  - C Menutup pintu interaksi antara tamadun bagi menyekat dominasi Barat ke atas Malaysia
  - D Melemahkan kepelbagaian tamadun bagi memastikan kelangsungan tamadun Malaysia
- S80** Manakah perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat?
- I Nilai-nilai sepunya
  - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
  - III Saling kebergantungan dalam pembangunan tamadun
  - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara Tamadun Barat dan Tamadun Islam
- A I, II, dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

- SOALAN TAMAT -

**TERBUKA**